

06 NOV 1999

Mahathir-Sukan Asia

RAKYAT BANTU HASRAT M'SIA JADI TUAN RUMAH SUKAN ASIA 2006

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sokongan kuat rakyat akan mencerahkan lagi peluang Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, temasya sukan yang ketiga terbesar di dunia.

Katanya lebih 2 juta orang daripada pelbagai lapisan dan peringkat umur menyertai program Berjalan Untuk Negara secara serentak di seluruh negara pagi ini bagi memberi sokongan kepada penawaran Malaysia itu.

"Kita harap dengan minat, sokongan rakyat kepada usaha ini saya harap majlis (Majlis Olimpik Asia) akan meluluskan penawaran Malaysia menjadi tuan rumah," katanya kepada pemberita selepas mengetuai lebih 12,000 peserta program Berjalan Untuk Negara peringkat nasional di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Program Berjalan Untuk Negara adalah acara simbolik untuk seluruh rakyat Malaysia sama-sama menyokong hasrat negara menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat bangga dengan sambutan rakyat terhadap usaha kerajaan untuk mendapat hak menjadi tuan rumah sukan itu.

"Jumlah mereka yang mendaftar dalam program Berjalan Untuk Negara 2,001,660 orang di seluruh negara. Ini menunjukkan bahawa hampir 10 peratus daripada rakyat Malaysia telah menyertai program ini," katanya.

Dr Mahathir, bagaimanapun berkata, jika mengambil kira rakyat Malaysia yang sihat dan boleh berjalan dalam lingkungan umur lapan hingga 50 tahun, peratusannya jauh lebih tinggi dan boleh menjangkau 20 peratus.

"Nampaknya 20 peratus rakyat Malaysia yang mampu berjalan telah berjalan pada pagi ini menunjukkan sokongan mereka kepada penawaran Malaysia untuk tuan rumah kepada Sukan Asia 2006," katanya.

Pecahan bilangan peserta Berjalan Untuk Negara mengikut negeri ialah: 58,150 (Perlis), 136,388 (Kedah), 91,776 (Pulau Pinang), 213,272 (Perak), 135,963 (Selangor), 69,343 (Negeri Sembilan), 59,624 (Melaka), 191,303 (Johor), 170,537 (Pahang), 113,241 (Terengganu), 186,732 (Kelantan), 173,666 (Sarawak), 202,485 (Sabah), 180,600 (Kuala Lumpur) dan 18,580 (Labuan).

Ditanya mengenai peluang negara untuk menjadi tuan rumah sukan itu, Perdana Menteri berkata ia nampak cerah kerana Malaysia satu-satunya negara dari Asean yang menawarkan diri menjadi tuan rumah.

Indonesia yang sebelum ini turut menyatakan hasrat menjadi tuan rumah sukan itu telah menarik diri.

Selain Malaysia, negara lain yang turut berhasrat menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 ialah Hong Kong, India, Qatar, Syria dan Uzbekistan.

-- BERNAMA

HS AFY RI